



**Nestlé** Good food, Good life

## **Siaran Berita**

Petaling Jaya, 16 Disember 2024

### **Nestlé Malaysia Lantik Pengarah Eksekutif Hal Ehwal Korporat Kumpulan Baharu**

Nestlé (Malaysia) Berhad dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan Raja Nurmaria Murni Raja Nur Azmi sebagai Pengarah Eksekutif, Hal Ehwal Korporat Kumpulan bagi Malaysia dan Singapura. Beliau mengambil alih tugas daripada Dato' Adnan Pawanteh, yang bersara pada akhir November 2024 selepas membina kerjaya yang cemerlang selama 40 tahun bersama Syarikat.

Berbekalkan kepakaran dan pengalamannya yang luas selepas berkhidmat di Nestlé selama lebih sedekad, Murni bersedia untuk menggalas tanggungjawab baharu. Beliau menyertai Syarikat pada tahun 2011 sebagai Pengurus Media & Pengiklanan, memantau strategi dan pelaksanaan media bagi semua jenama Nestlé di Malaysia. Pada 2015, beliau telah dilantik sebagai Pengurus Jenama Kanan MILO dan seterusnya Pengurus Pemasaran Pengguna, selepas memainkan peranan penting untuk mengukuhkan kepimpinan pasaran MILO di Malaysia.

Pada 2021, Murni telah ditugaskan untuk berkhidmat di ibu pejabat Nestlé S.A. di Vevey, Switzerland, sebagai Pengurus Jenama Global bagi Minuman berasaskan Tumbuhan dalam Unit Perniagaan Strategik Produk Tenusu. Kebijaksanaan strategik dan pemikiran inovatif beliau memberikan sumbangan besar kepada pembangunan kategori yang baharu muncul ini. Baru-baru ini, beliau berkhidmat sebagai Pemimpin Jenama Global bagi MILO & NESCAU yang menerajui strategi global, termasuk inisiatif komunikasi dan inovasi bertumpukan kelestarian.

Pencapaian dan kewibawaan yang ditunjukkan Murni dalam kepimpinan, pengurusan jenama dan keupayaan menangani pasaran yang kompleks menjadikan beliau calon yang amat sesuai untuk mengetuai Hal Ehwal Korporat Kumpulan.

Nestlé Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Adnan atas sumbangannya selama ini dan mengalu-alukan kepulangan Murni ke Malaysia dan yakin dengan keupayaannya memimpin pasukan untuk mencapai mercu jaya baharu.

###

### **Mengenai Nestlé Malaysia: Menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad**

Sejak 1912, Nestlé menjana khasiat rakyat Malaysia dan meraih kepercayaan mereka menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami berbangga untuk memainkan peranan kami sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, dengan berusaha menambah baik komuniti di tempat kami beroperasi. Pada hari ini, kami mengendalikan enam kilang yang disokong oleh tenaga kerja seramai lebih 5,000 rakyat Malaysia, Semua produk kami adalah Halal, menjadikan kami pengeluar Halal terbesar bagi Nestlé di peringkat global.

Sebagai pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia, dengan ibu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara. Dengan tenaga kerja lebih 270,000 kakitangan yang berdedikasi, kami berpegang kepada matlamat kami untuk memanfaatkan kelebihan makanan untuk merungkai kuasa makanan, meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua, pada hari ini dan juga demi generasi masa depan. Komitmen kami kepada pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan memacu prestasi kami, memastikan kami mengotakan janji GOOD FOOD, GOOD LIFE.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang perjalanan kami menjana khasiat rakyat Malaysia lebih seabad, sila layari laman web kami di <https://www.Nestlé.com.my/ask-Nestlé/we-are-Nestlé>.

---

#### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

##### **Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456  
+6012-235 6865

E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com)

##### **Anis Farisha atau Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348  
+6019-666 9948 (Anis) atau  
+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)